




Pelajar SMK Tamparuli menunjukkan **peralatan amaran banjir** di Sungai Tamparuli. (FOTO IZHARI ARIFFIN/BH)



Pelajar SMK Tamparuli menunjuk lampu **isyarat amaran banjir**.



**Jambatan Tamparuli** yang menghubungkan pekan Tamparuli dengan Kota Kinabalu.

# Pelajar SMK Tamparuli cipta alat amaran banjir

» Rekaan beri manfaat kepada lebih 12,000 penduduk setempat

Oleh Suzianah Jiffar  
suzianah@bh.com.my

Tuaran

Kejayaan 20 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tamparuli di sini, mencipta sistem amaran banjir yang dipasang pada Jambatan Lama Tamparuli, memberi manfaat kepada lebih 12,000 penduduk setempat.

Projek itu membabitkan pembangunan sistem amaran pada jambatan berkenaan yang berisiko tinggi menyebabkan nahas hingga meragut nyawa jika aspek keselamatan diabaikan terutama ketika banjir.

Melihat kepada kesan besar daripada projek terbabit kepada masyarakat setempat, tiada siapa menyangka ia adalah cetusan idea pelajar sekolah berkenaan.

Guru pembimbing projek berkenaan, Ernest Kelly Subin, 32, berkata alat pengesan banjir itu dipasang pada jambatan sepanjang 150 meter itu sejak Jun tahun lalu, susulan idea sekumpulan 20 pelajar kerana kemudahan awam itu sering digenangi banjir setiap kali hujan lebat.

Beliau berkata, selama ini pengguna laluan terbabit sering tidak menyedari atau mengetahui status keselamatan jambatan yang

bersifat *low level crossing* itu, sama ada selamat untuk dilalui atau sebaliknya selepas hujan lebat.

"Situasi itu pernah menyebabkan beberapa kemalangan berlaku di jambatan ini kerana banjir yang menenggelamkan jambatan itu tidak disedari pengguna.

### Tiga komponen utama

"Ada tiga komponen utama dalam projek ini iaitu pemasangan alat pengesan banjir atau sensor yang , berperanan memberi reaksi balas sebaik sungai melimpah.

"Apabila banjir dikesan alat itu, lampu amaran akan menyala di Balai Polis Tamparuli sebelum penghadang besi di jambatan itu ditutup bagi memastikan pengguna dari kedua-dua arah iaitu pekan Tamparuli dan beberapa

“**Pengguna laluan terbabit sering tidak menyedari atau mengetahui status keselamatan jambatan yang bersifat low level crossing itu, sama ada selamat untuk dilalui atau sebaliknya selepas hujan lebat**”

**Ernest Kelly Subin,**  
Guru

kampung tidak melaluinya,” katanya kepada BH.

Projek sistem amaran banjir, ‘Awat! Bahaya di Hadapan’ dicipta 20 pelajar sekolah terbabit dinobatkan juara pertandingan PETRONAS All About Youth 2015 (Y2015) pada Oktober tahun lalu di Kuala Lumpur.

Penghasilan sistem amaran banjir itu adalah cetusan idea 20 pelajar Tingkatan Empat dengan bantuan dua guru termasuk Ernest dan Vinddy Gabriel, 37, antaranya bertujuan memastikan keselamatan pengguna jambatan berkenaan sentiasa terjaga.

Kejayaan itu membolehkan sekolah terletak 50 kilometer dari Kota Kinabalu itu menewaskan enam sekolah lain dari seluruh negara, sekali gus membawa pulang wang tunai RM50,000 tajaan PETRONAS selain piala pusingan.

Ernest menyifatkan kejayaan paling besar bukanlah kemenangan dalam pertandingan itu semata-mata, sebaliknya projek terbabit memberi banyak manfaat kepada penduduk Tamparuli, khususnya pengguna jambatan berkenaan.

"PETRONAS juga berminat dengan projek ini dan berhasrat mengembangkannya ke kawasan lain. Ketika ini, selain jambatan lama Tamparuli, peralatan sama sudah dipasang di Kiulu," katanya.

### Keselamatan terjamin

Ketua kumpulan pelajar terbabit, Lee Zhen Ling, 17, berkata idea mencipta sekali gus memasang alat pengesan banjir adalah untuk memastikan keselamatan pengguna jambatan lama Tamparuli, terjamin.

"Cabaran paling besar dalam projek ini adalah sumber kewangan dan bagi menyiapkannya, kami memerlukan RM31,100 untuk mengupah kontraktor dan membeli sensor sesuai.

"Kami tidak berputus asa dan selepas perbincangan, beberapa tindakan diambil bagi mendapatkan dana termasuklah mengadakan konsert mini, tarian zumba, mengumpul tin serta pakaian terpakai untuk dijual selain membersihkan rumah penduduk bagi mendapat upah.

Pengetua SMK Tamparuli, Kusdi Ribut, berkata pihaknya akan terus menyelenggara projek itu termasuk menambah baik khususnya dalam aspek keberkesanan sistem terbabit.



**Kusdi bergambar bersama pelajar** serta guru yang mencipta alat pengesan banjir dan kejayaan memenangi pertandingan 'Petrosains Science Show Competition' di Kuala Lumpur.

**Ikuti BH Plus**  
di [www.bharian.com.my](http://www.bharian.com.my)  
untuk lebih gambar dan video